



REG. NO: 1017/89 (WP)

Kenyataan Media bersama Persatuan-Persatuan Harta Intelek Malaysia

Kami, Persatuan-Persatuan Harta Intelek di sini, ingin mengambil peluang ini untuk menjelaskan peranan yang dimainkan oleh Ejen Harta Intelek Berdaftar (Ejen IP Berdaftar) di dalam ekosistem harta intelek di Malaysia dan memperbaiki/memperbetulkan persepsi negatif yang mungkin wujud merujuk kepada artikel yang diterbitkan oleh Utusan Malaysia Online pada 30 Jun 2015 bertajuk Daftar Sendiri Harta Intelek (kenyataan tersebut) dimana dilaporkan bahawa penggunaan perkhidmatan ejen di dalam proses pendaftaran IP dikenakan caj berganda dan mewujudkan kekangan terhadap syarikat atau pereka-cipta untuk melindungi hak harta intelek produk mereka.

MIPA telah mengadakan pertemuan dengan Tuan Pengerusi Lembaga MyIPO dan pihak Tuan Pengerusi telah memberikan penjelasan secara bertulis bahawa beliau tidak pernah menggesa pihak awam untuk tidak menggunakan perkhidmatan Ejen IP berdaftar. Pihak kami memahami kebimbangan pihak Tuan Pengerusi berkenaan penggunaan orang tengah atau individu bukan professional yang berdaftar tetapi menawarkan khidmat berkaitan IP yang mungkin akan menggandakan kos untuk memperolehi hak harta intelek.

Ejen berdaftar sama ada cap dagangan, paten dan/atau rekabentuk industri adalah individu yang berkelayakan dan berdaftar dengan MyIPO yang memainkan peranan penting dan menyumbang kepada pertumbuhan positif dan membantu dalam memaksimum pulangan/nilai hak harta intelek di Malaysia. Selanjutnya, penggunaan perkhidmatan ejen IP berdaftar dapat membantu pemilik hak harta intelek untuk memaksimumkan potensi hak harta intelek mereka dan menyumbang kepada penjimatan kos bagi pemohon hak harta intelek.

Proses mendapatkan pendaftaran dan perlindungan sesuatu hak harta intelek seperti paten dan cap dagangan adalah tidak mudah dan orang awam kebiasaannya tidak mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan bagi memastikan hak harta intelek mereka dilindungi sepenuhnya selagi mungkin.

Sebagai contoh, proses bagi memperoleh paten adalah tidak semudah mengisikan borang dan memfailkan borang tersebut di MyIPO. Disini, ejen IP berdaftar memainkan peranan penting dalam melaksanakan carian seni terdahulu dan memberikan perkhidmatan mendraf dan khidmat nasihat. Bagi pendrafan dokumen paten yang efektif dan mampu dipertahan di Mahkamah memerlukan pengalaman selama bertahun-tahun dan kami boleh memberikan contoh pendrafan dan permohonan yang tidak disediakan oleh ejen IP yang terlatih, dan kebiasaannya apabila pemohon menyedari terdapat masalah didalam permohonan patennya ianya sudah terlalu terlambat untuk diperbaiki.

Ejen IP berdaftar juga memainkan peranan penting dalam membantu pemilik cap dagangan untuk menentukan ruang lingkup perlindungan dan penguatkuasaan sesuatu cap dagangan. Sering kali pemohon yang memfailkan cap dagangan secara sendiri telah tanpa sedar menghadkan hak mereka dan ini menyebabkan pemohon terdedah kepada potensi untuk ditiru oleh penciplak.

Oleh itu, peranan ejen IP berdaftar adalah amat penting untuk memastikan ekosistem IP beroperasi pada tahap yang optimum dan mewujudkan penjimatan kos. Kos yang lebih tinggi akan wujud jika hak IP tidak dilindungi dengan baik dari awalnya dan hak IP tersebut akan ditolak dan kesahan pendaftaran juga boleh dicabar oleh pihak ketiga. Tambahan lagi, di samping tidak mendapat perlindungan yang diharapkan proses memperbaiki masalah tersebut pada peringkat akhir kebiasaannya melibatkan peningkatan kos secara keseluruhan.

Ruang lingkup perlindungan dan kekuatan hak IP tertentu juga memainkan peranan apabila hak IP tersebut perlu dinilai. Pada masakini, Malaysia mempromosikan Penilaian IP, oleh itu adalah penting bagi hak IP disediakan secara professional oleh ejen IP berdaftar bagi memastikan bahawa hak IP tersebut adalah kukuh dan tidak menjejaskan sistem penilaian IP. Kami memahami jika pemohon ingin

memfailkan permohonan secara sendiri tanpa menggunakan perkhidmatan ejen IP berdaftar, namun ianya berisiko. Oleh itu, pemohon adalah digalakkan untuk mendapatkan khidmat nasihat professional dari Ejen IP berdaftar bagi memastikan hak mereka dilindungi sebaiknya. Perlu dimaklumi bahawa kebanyakan Ejen IP berdaftar akan memberikan khidmat nasihat awal tanpa caj. Terdapat senarai Ejen IP berdaftar yang boleh di dapati di laman sawang MYIPO. Pihak awam juga digesa untuk berhati-hati apabila menggunakan khidmat individu yang tidak berdaftar dengan MYIPO. Kami bersedia bekerjasama dengan MYIPO dan juga agensi atau organisasi lain bagi mempromosikan dan memaksimumkan pertumbuhan IP di Malaysia.

Kenyataan media oleh

1. Malaysian Intellectual Property Association (“MIPA”)
2. Asian Patent Attorneys Association (Malaysia) Berhad (“APAA”)
3. ASEAN Intellectual Property Association (“ASEAN IPA”)
4. Licensing Executives Society of Malaysia (“LESM”)
5. The International Association for the Protection of Intellectual Property (“AIPPI”)
6. International Federation of Intellectual Property Attorneys (“FICPI”)